

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

2017

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.
 2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
 3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
 4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
-

Modul latihan berfokus ini mengandungi **4** halaman bercetak

[100 markah]

*Jawab lima soalan sahaja**Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana empat soalan yang lain.*

1. (a) (i) Nyatakan pengertian Tauhid Uluhiyyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan beriman dengan Tauhid Uluhiyyah. [4 markah]
- (b) Beramal dengan sunnah Rasulullah SAW akan membawa kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
Nyatakan **dua** cara anda beradab dengan Rasulullah SAW. [4 markah]
- (c) Mengapakah Allah SWT merahsiakan alam ghaib daripada pengetahuan manusia. [2 markah]
- (d) Nyatakan **dua** implikasi mengikut ajaran sesat. [4 markah]
- (e)

Persekitaran yang bersih dan indah akan menyegarkan mata memandang, menenangkan fikiran dan menyihatkan badan.
--
- Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda menjaga kebersihan persekitaran sekolah. [4 markah]
2. (a) Nyatakan **empat** ciri agama budaya (wad'ie). [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** cara untuk memiliki sifat Rabbaniyyah. [4 markah]
- (c) Antara prinsip 'Alamiyyah ialah Islam menjamin hak asasi manusia.
Nyatakan **dua** contoh perbuatan masyarakat hari ini yang melanggar hak asasi manusia. [2 markah]
- (d)

"Allah SWT tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupan (kemampuan)"
Maksud Surah Al-Baqarah: 286
- (i) Terangkan **dua** contoh ibadat yang membuktikan Islam tidak membebankan umatnya berdasarkan maksud ayat di atas. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan sifat Murunah. [2 markah]
- (e)

Islam mewajibkan umatnya berpakaian menutup aurat untuk menjaga maruah dan kehormatan diri.

- Pada pandangan anda, mengapakah masih ramai masyarakat Islam hari ini masih berpakaian mendedahkan aurat walaupun mengetahui kesan buruk perbuatan tersebut. [4 markah]

3. (a) (i) Terangkan **dua** matlamat negara Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** elemen penting dalam pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (b) Pelantikan seorang hakim tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Nyatakan **empat** kelayakan yang perlu dimiliki oleh seorang hakim bagi menjamin keadilan [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** tanggungjawab hakim di dalam sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (d)

Gejala sumbang mahram makin berleluasa dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ini disebabkan oleh beberapa kelemahan di dalam sistem sosial yang diamalkan kini.

- Pada pandangan anda, mengapakah hal ini terjadi. [4 markah]
4. (a) (i) Jelaskan **dua** cara menguruskan harta menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** syarat pencarian harta dikira sebagai ibadat. [4 markah]
- (b) Nyatakan sebab kanak-kanak tidak layak menguruskan harta. [2 markah]
- (c) Terangkan **dua** langkah mempertingkatkan kualiti kerja dalam Islam. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** perbezaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem muamalah konvensional. [4 markah]
- (e) (i)

Puan Sofea telah menggadaikan sebidang tanah miliknya kepada pihak bank untuk mendapatkan pinjaman bagi menambahkan modal perniagaan bersama rakan kongsinya iaitu Puan Alina.
--
- Namakan **dua** jenis muamalah yang diamalkan dalam situasi di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan kebaikan jenis muamalah yang telah dipilih oleh mereka. [2 markah]
5. (a) Jelaskan **dua** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan ciptaan manusia. [4 markah]
- (b) Nyatakan pengertian fikah beserta contoh yang sesuai. [3 markah]
- (c) Nyatakan **dua** contoh ijtihad. [2 markah]
- (d) Isteri memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan keluarga bahagia. Bagaimanakah isteri dapat menunaikan tanggungjawab dengan baik dan sempurna agar kehidupan rumahtangga bahagia dan harmoni. [4 markah]

- (e) (i) Nyatakan maksud Qisas dalam Islam beserta contoh yang sesuai. [3 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab Allah SWT menetapkan hukum Qisas kepada penjenayah. [4 markah]
6. (a) Jelaskan **dua** matlamat penyelesaian masalah terhadap individu menurut Islam. [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** sebab setiap masalah perlu diselesaikan secara Islam. [6 markah]
- (c) Islam telah menyediakan pelbagai cara untuk menyelesaikan setiap masalah yang berlaku seperti kewajipan menuntut ilmu ke atas umat Islam untuk mengatasi masalah kejahilan.
Mengapakah masih ramai lagi yang tidak yakin dengan kemampuan Islam dalam menyelesaikan masalah. [4 markah]
- (d) Kes buli dalam kalangan pelajar merupakan masalah disiplin yang masih berlaku di sekolah.
Huraikan **dua** cara yang boleh anda lakukan untuk membantu pihak sekolah menyelesaikan masalah tersebut. [6 markah]
7. (a) (i) Apakah maksud ibadat dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** perkara yang boleh merosakkan ibadat. [4 markah]
- (b) Perbuatan pecah amanah adalah salah satu contoh pencerobohan harta. Namun perbuatan ini masih berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini.
Nyatakan pandangan anda berkaitan isu tersebut. [4 markah]
- (c) Terangkan **tiga** langkah ke arah melaksanakan muamalah secara Islam dalam sistem kewangan di negara kita. [6 markah]
- (d)

Adli berasa simpati apabila Haikal mengadu kepadanya tentang masalah pembelajaran di sekolah.

- Huraikan **dua** cara yang sepatutnya Adli lakukan dalam menyelesaikan masalah tersebut. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT